

Majlis Makan Malam PERPUN dan MAKUM

6 Mei 2007 Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, YBhg Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin telah meraikan delegasi Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN) dan Majlis Kebudayaan Universiti - Universiti Malaysia (MAKUM) di Majlis Makan Malam Bersama Naib Canselor pada 6 Mei 2007 bertempat di Dewan Kapitol, UniMAP. Selain jamuan hidangan Melayu, majlis diserikan dengan persembahan tarian dan nyanyian daripada Unit Kebudayaan Universiti. Rata-rata delegasi yang hadir merasa diraikan di majlis tersebut.



Mesyuarat Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara 2007

7 Mei 2007 Perpustakaan UniMAP telah dipilih sebagai tuan rumah Mesyuarat PERPUN Bil. 2/2007 selepas mesyuarat pertama di Universiti Multimedia Malaysia. Mesyuarat PERPUN telah diadakan pada 7 Mei 2007 bertempat di Bilik Mesyuarat Senat UniMAP, Taman Kechor. Mesyuarat dipengerusikan oleh Cik Zahariah Mohamed Shaharoon, Ketua Pustakawan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS). Seramai 14 delegasi daripada perpustakaan IPTA dan IPTS telah menghadiri mesyuarat tersebut.



Kejayaan

Seminar Inisiatif Pembangunan Sumber Maklumat Elektronik

8 Mei 2007 Empat kertas kerja telah dibentangkan di Seminar Inisiatif Pembangunan Sumber Maklumat Elektronik, anjuran Perpustakaan UniMAP dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia Wilayah Utara. Kertas kerja telah dibentangkan oleh Tuan Haji Abu Bakar Maidin, Ketua Pustakawan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Encik Azman Idris dari UKM, Encik Salleh Hudin Mustaffa dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Encik Nasrudin Abdul Shukor dari Universiti Malaysia Perlis dan Encik Zulkefli Yusop dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Hadir sama sebagai peserta ialah delegasi PERPUN, delegasi Pustakawan Sistem, Pustakawan dari Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Institut Perguruan Perlis, Kolej Universiti INSANIAH, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Perpustakaan UiTM Arau dan banyak lagi.



UniMAP Menjadi Tuan Rumah Mesyuarat Pustakawan Sistem



7 Mei 2007 Serentak dengan Mesyuarat PERPUN, Mesyuarat Pustakawan Sistem telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama, UniMAP. Delegasi telah membincangkan pelbagai isu mengenai perolehan dan penyediaan prasarana ICT, latihan pelaksanaan sistem *open source* dan pelbagai bentuk kerjasama dan perkongsian berkaitan sistem antara perpustakaan akademik.

Harum Manis dan Pek Terinai Kepada Delegasi PERPUN

7 Mei 2007 Delegasi PERPUN dapat menikmati memelam harum manis yang dihadiahkan sebagai cenderamata mesyuarat pada 7 Mei 2007. Ketua Pustakawan bersama staf perpustakaan telah mengedarkan pek harum manis dan produk Terinai kepada semua delegasi sebelum mereka menaiki bas ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Star.

Kejayaan